



APA YANG WANITA PERLUKAN UNTUK

PERLINDUNGAN KEHAMILAN

Ruang kerja wanita adalah terlalu pelbagai yakni merentas lokasi formal ke lokasi tidak formal. Oleh itu, kerangka generik yang merangkumi aspek MASA, RUANG DAN SOKONGAN seperti yang disarankan sejak 1993 masih menjadi tunjang utama ke arah pengwujudan **Tempat Kerja Mesra - Ibu-Bayi/Ibubapa atau Keluarga/Mesra-Penyusuan Ibu yang efektif.**

MASA

1. Cuti bersalin enam bulan untuk menjayakan penyusuan ibu eksklusif dan cuti bergaji sebelum bersalin yang mencukupi. Apabila tempoh cuti sedia ada lebih pendek, wanita memerlukan satu prosedur yang mampu melayakkan mereka memanjangkan tempoh cuti berkenaan dengan cara penggabungan cuti bergaji, tidak bergaji ataupun apa jua bentuk cuti lain agar mereka dapat bersama bayi mereka.
2. Cuti bergaji tambahan untuk ibu yang melahirkan bayi pramatang atau bayi yang memerlukan penjagaan rapi. Ibu ini memerlukan masa untuk memerah dan memberi susu ibu berkhasiat sebagai langkah menyelamatkan nyawa anak mereka.
3. Satu atau lebih waktu rehat berbayar untuk menyusu atau pun pengurangan waktu kerja harian bagi membolehkan ibu menyusu anaknya.
4. Waktu kerja anjal seperti jadual kerja separa-waktu, waktu rehat makan tengahari yang lebih lama serta tempoh istirehat lain, perkongsian kerja atau sebarang alternatif yang seumpamanya untuk membolehkan ibu menyusu atau memerah susu ibu.

RUANG / JARAK BERDEKATAN

1. Kemudahan pengasuhan bayi dan kanak-kanak di atau berhampiran tempat kerja dan pengangkutan untuk memudahkan ibu dapat bersama bayi mereka. Untuk tempat kerja luar bandar dan kerja bermusim, wanita boleh menggunakan unit asuhan anak bergerak atau mengadakan tempat asuhan anak berkelompok dan khidmat ibu susuan mengikut kesesuaian amalan budaya setempat.
2. Kemudahan untuk bersendirian agar ibu boleh memerah dan menyimpan susu ibu. Kemudahan sedemikian mungkin dalam bentuk bilik penyusuan, sudut terlindung atau apa jua ruang selamat dan terselindung di atau berhampiran ruang kerja.
3. Persekitaran kerja yang bersih dan selamat serta bebas dari sisa buangan merbahaya dan bahan kimia.

SOKONGAN

1. Maklumat tentang undang-undang kehamilan kebangsaan/nasional dan manfaat berkaitan disamping maklumat tentang peruntukan-peruntukan kehamilan yang ditawarkan di tempat kerja mereka atau merentas sektor kerja yang mungkin lebih baik dari amalan-amalan dan undang-undang kebangsaan/nasional.
2. Sokongan dari majikan, pihak pengurusan, pegawai atasan dan rakan sekerja dari segi penonjolan sikap positif terhadap kehamilan, alam keibuan dan penyusuan ibu dalam khalayak ramai.
3. Maklumat tentang kesihatan wanita semasa hamil dan menyusu agar lebih berupaya menggabung dan mengimbangi antara tuntutan kerjaya, tanggungjawab penyusuan ibu dan keperluan asuhan anak.
4. Sokongan dari kesatuan sekerja atau kesatuan buruh samada dari sektor kerja yang sama atau dari kesatuan nasional/kebangsaan.
5. Jaminan kerja dan tidak berdiskriminasi terhadap ibu hamil dan penyusuan ibu.

Penyusuan Ibu dan Kerjaya



Mari Jayakan!



Minggu Penyusuan Ibu Sedunia di koordinasi oleh World Alliance for Breastfeeding Action (WABA), jaringan global yang terdiri dari individu dan pertubuhan yang prihatin tentang perlindungan, promosi dan sokongan akan penyusuan ibu di seluruh dunia berasaskan Deklarasi Innocenti, the Ten Links for Nurturing the Future dan Strategi Global untuk Pemakanan Bayi dan Kanak-Kanak WHO/UNICEF. Rakan kongsi induk WABA terdiri dari Akademi Perubatan Penyusuan (ABM), Jaringan Tindakan Makanan Bayi Antarabangsa (IBFAN), Persatuan Perunding Laktasi Antarabangsa (ILCA), La Leche League International (LLL), dan Wellstart International. WABA mempunyai status perunding dengan UNICEF dan merupakan NGO berstatus Perunding Khas dengan Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (ECOSOC).

WABA, PO Box 1200
10850 Penang, Malaysia
Tel: 60-4-658 4816 Fax: 60-4-657 2655
Email: wbw@waba.org.my
Laman Sesawang: www.waba.org.my
Arkib WBW :
www.worldbreastfeedingweek.net

Persetujuan dan Instrumen Antarabangsa yang Menyokong Perlindungan Kehamilan secara Global

Persetujuan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) Mengenai Perlindungan Kehamilan

Pada tahun 1919, Persetujuan Perlindungan Kehamilan ILO yang pertama (C3, 1919) telah diterima pakai oleh persidangan tiga pihak ILO. Sejak itu, dua lagi persetujuan berhubung isu yang sama (C103, 1952; dan C183, 2000), disamping dua saranan (R95, 1952; and R191, 2000), telah di terima pakai.

Setiap persetujuan tersebut memberi hak kepada wanita menikmati lebih banyak manfaat dari persetujuan terdahulu, manakala saranan-saranan yang dinyatakan menjurus kepada penggubalan langkah-langkah perlindungan yang lebih mantap.

PERKARA 4 C-183:

Tatkala dikemukakan sijil sakit atau surat pengesahan berkaitan yang menyatakan tarikh kelahiran bayinya, seperti yang ditentukan oleh undang-undang dan amalan kebangsaan, seseorang wanita yang tercakup di bawah aplikasi Persetujuan ini berhak memperoleh tempoh cuti bersalin tidak kurang daripada 14 minggu.

PERKARA 10

1. Wanita harus diberikan hak untuk memperoleh waktu rehat satu kali atau lebih setiap hari atau pengurangan jam kerja harian agar dapat menyusui anaknya
2. Tempoh keseluruhan waktu rehat untuk menyusui atau pengurangan jam kerja harian yang diperbolehkan, serta jumlahnya, jangka waktu rehat setiap satu waktu untuk menyusui dan prosedur pengurangan jam kerja harian harus ditentukan oleh undang-undang dan amalan kebangsaan. Waktu rehat atau pengurangan jam kerja harian ini harus dihitung sebagai waktu kerja dan dibayar secara berpatutan.

R-191 (1.1)

Negara anggota harus berusaha melanjutkan tempoh cuti bersalin seperti yang dirujuk dalam Perkara 4 Persetujuan ini ke sekurang kurangnya 18 minggu.

http://www.ilo.org/dyn/normlex/en/f?p=NORMLEXPUB:12100:0::NO:P12100_ILO_CODE:C183

Strategi Global WHO berhubung Pemakanan Bayi dan Kanak-Kanak

Pada tahun 2002, Strategi Global WHO berhubung Pemakanan Bayi dan Kanak-Kanak mengandungi beberapa perenggan berkenaan kepentingan perundangan kehamilan untuk wanita bekerja, yang mampu mengupayakan mereka mengimbangi tanggungjawab kerja dan tuntutan keluarga.

http://www.who.int/nutrition/publications/gf_infant_feeding_text_eng.pdf

Persetujuan Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi terhadap Wanita (CEDAW)

CEDAW pada tahun 1979 menerima pakai beberapa langkah bagi tujuan perlindungan kehamilan, khususnya perlindungan kehamilan untuk wanita bekerja (Art.11.1.f & 11.2.a-d)

PERKARA 11

1. Negara-negara peserta harus mengambil segala langkah-langkah yang bersesuaian untuk menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dalam bidang kerjaya untuk menjamin, atas dasar kesetaraan lelaki dan wanita, hak-hak yang sama, khususnya
 - (f) Hak kepada perlindungan kesihatan dan keselamatan di persekitaran kerja, termasuk perlindungan fungsi reproduksi.
2. Untuk menghalang diskriminasi terhadap wanita atas dasar perkahwinan atau kehamilan dan untuk menjamin hak efektif mereka untuk bekerja, negara-negara peserta wajib mengambil langkah-langkah berpatutan:
 - (a) Untuk melarang, tertakluk kepada pengenaan sebarang

sekatan, pemecatan atas alasan kehamilan atau cuti hamil dan diskriminasi dalam pemberhentian atas alasan perkahwinan;

- (b) Untuk memperkenalkan cuti bersalin berbayar atau manfaat sosial yang sepadan tanpa kehilangan pekerjaan sebelumnya, kekananan atau elaan sosial;
- (c) Untuk mengalakkan peruntukan perkhidmatan sokongan sosial yang diperlukan bagi mengupaya ibubapa menggabungkan kewajipan keluarga dengan tanggungjawab pekerjaan serta penyertaan dalam aktiviti masyarakat khususnya dengan mendukung pengwujudan dan pengembangan jaringan kemudahan asuhan anak;
- (d) Untuk memberi perlindungan khusus kepada wanita semasa tempoh kehamilan dalam jenis pekerjaan yang terbukti berbahaya buat mereka.

<http://www.un.org/womenwatch/daw/cedaw/text/econvention.htm>

Persetujuan Berhubung Hak Kanak-Kanak (CRC)

- Pada tahun 1989, CRC menetapkan bahawa kanak-kanak berhak menikmati makanan berkhasiat yang mencukupi (Per.24.2.c), ibu berhak memperoleh jagaan sebelum dan selepas bersalin (Per.24.2.d), dan ibubapa berhak menikmati langkah-langkah yang membantu mereka dalam kerjaya serta pengurusan tanggungjawab keluarga (Per.18.2) serta berhak menerima bantuan material dan sokongan (Per 27.3). Hampir setiap negara telah mengesahkan kedua-dua Persetujuan berkenaan dan dengan demikian wajib mematuhi ketetapan-ketetapan yang terkandung dalam dokumen-dokumen tersebut.
- Ulasan am ke 15 CRC yang dibuat pada tahun 2013 menegaskan hak kepada kesihatan, rujuk perenggan 44 dan 55; Perenggan 44: Langkah-langkah khas harus di ambil untuk menggalak sokongan komuniti dan tempat kerja kepada ibu-ibu berhubung kehamilan dan laktasi, menyediakan perkhidmatan asuhan anak yang mampu bayar dan boleh laksana serta memastikan pematuhan akan fasal-fasal Persetujuan Perlindungan Kehamilan ILO 2000 (no. 183). Perenggan 55: Jawatankuasa menyarankan bahawa intervensi perlindungan sosial termasuklah memastikan perlindungan menyeluruh atau bantuan kewangan untuk penjagaan, cuti ibubapa berbayar dan penawaran manfaat jaminan sosial lain serta penggubalan undang-undang bagi menghadkan pemasaran dan promosi produk gantian susu ibu yang tidak sesuai.

http://tbinternet.ohchr.org/_layouts/treatybodyexternal/Download.aspx?symbolno=CRC%2fC%2fGC%2f15&Lang=fr

Perisytiharan Beijing dan Kerangka Tindakan

Perisytiharan Beijing dan Kerangka Tindakan 1995 menggariskan pelbagai bidang di mana wanita bekerja memerlukan perlindungan serta tindakan khusus yang harus diterajui kerajaan dan agensi-agensi berkaitan untuk memenuhi keperluan ini. Objektif utama adalah:

Objektif Strategik F.6.

Mempromosi pengharmonian tuntutan kerja dan tanggungjawab kekeluargaan bagi kedua-dua lelaki dan wanita.

Tindakan Yang Perlu Diambil

Oleh Kerajaan:

- (c) Memastikan, melalui kaedah perundangan, insentif dan/atau penggalakan, peluang untuk lelaki dan wanita mengambil cuti ibubapa yang menjamin pekerjaannya sambil menikmati manfaat sebagai ibubapa; mempromosi perkongsian tanggungjawab keluarga secara sama rata antara lelaki dan wanita melalui perundangan yang bersesuaian, insentif dan/atau galakan serta juga mempromosi pemudahan penyusunan ibu untuk wanita bekerja

<http://www.un.org/womenwatch/daw/beijing/platform/>